

Majlis Pemulihan Negara dibubar

BH - 22/12/2022 mlk : 2

Kerajaan buat keputusan elak pertindihan fungsi dengan agensi lain, kos tinggi

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Rohaniza Idris
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan semalam mengumumkan Majlis Pemulihan Negara (MPN) yang dipengerusikan bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dibubarkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata keputusan itu dicapai pada mesyuarat Jemaah Kabinet kerana fungsi MPN didapati bertindih dengan agensi dan badan kerajaan lain, selain kos tinggi yang terpaksa ditanggung kerajaan.

“Kerajaan tidak memerlukan lagi khidmat majlis itu (MPN) kerana fungsinya bertindih dengan fungsi agensi dan badan kerajaan yang lain, selain mengakibatkan lebih kos yang terpaksa ditanggung kerajaan,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, di sini, semalam.

Anwar berkata, kerajaan juga akan meneliti cadangan membubarkan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional



Anwar bersama Ahmad Zahid dan Fadillah pada sidang akhbar selepas mesyuarat Kabinet di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

(GIACC) berikutan banyak fungsinya juga didapati bertindih dengan agensi penguat kuasa lain, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“Setiap pertindihan itu memabihkan kos yang tinggi,” katanya ketika mengulas mengenai spekulasi bahawa agensi yang ditubuhkan oleh Perdana Menteri Ketujuh, Tun Dr Mahathir Mohamad pada Jun 2018 itu akan dibubarkan.

Beliau berkata, jika bidang itu (GIACC) boleh dikendalikan SPRM atau PDRM, maka badan

yang berlaku pertindihan boleh dikurangkan kerana setiap agensi yang bertindih itu menanggung kos tinggi.

“Yang penting dalam GIACC, prinsipnya itu diterima, namun tidak boleh berlaku terlalu banyak pertindihan,” katanya.

MPN ditubuhkan pada 21 Julai 2021 melalui memorandum Jemaah Menteri daripada Kementerian Kewangan bagi membincangkan langkah yang perlu diambil untuk menjayakan Pelan Pemulihan Negara dengan menggantikan Jawatankuasa Khas Kabinet Pemulihan Negara.

Ia ditubuhkan bagi merangka

strategi dan hala tuju Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, selain membantu proses memudah cara pembukaan sektor ekonomi, sosial dan keagamaan.

Muhyiddin dilantik pengerusi MPN pada September 2021 oleh Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Fungsi tidak jelas

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi banyak mendesak supaya MPN dibubarkan susulan fungsinya yang tidak jelas dan

tidak perlu.

GIACC yang berada bawah Jabatan Perdana Menteri berfungsi menyelaras dan memantau semua aktiviti berkaitan tadbir urus, integriti dan antirasuah di negara ini.

Ia ditubuhkan pada Jun 2018 serta bertanggungjawab dalam merancang, menggubal strategi dan menilai polisi bagi memastikan semua urusan kerajaan dilaksanakan berteraskan tadbir urus baik, integriti dan tiada toleransi kepada perbuatan rasuah.

Ketika ditubuhkan ia diketuai oleh bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, beliau bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali akan menyelaras cara jentera kerajaan mempercepatkan urusan permohonan perniagaan supaya lebih cepat, pantas dan efisien.

Katanya, ini berikutan sudah ada petunjuk positif dalam kalangan pengusaha dan pelabur luar negara yang berminat melabur di negara ini.

“Kita harus menunjukkan cara dan urusan yang lebih berkesan serta pesat berbanding daripada sebelumnya,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata, beliau juga akan melepaskan banyak tugas selaku Perdana Menteri supaya dipertanggungjawabkan kepada Timbalan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof.